

09/01/1998

Pembekuan naik gaji kekal: Halim

Kamal Ahmad; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Khamis - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, menjelaskan kerajaan tidak menarik balik pembekuan kenaikan gaji Kumpulan A dan B kakitangan perkhidmatan awam.

"Itu sebenarnya bukan ditarik balik, tetapi ada beberapa aspek teknikal yang perlu kita susun semula supaya tidak bercanggah dengan peraturan yang ada. Seperti mana gaji, kita tidak boleh potong jika mengikut peraturan itu.

"Oleh yang demikian, kita ada membuat sedikit susun semula tetapi pada dasarnya keputusan asal adalah tetap," katanya mengulas pekeliling terbaru Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai pengurangan elaun antara RM14 dan RM606 kalangan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional, berkuatkuasa 1 Januari lalu.

Seramai 80,000 kakitangan kumpulan itu terbabit dengan pengurangan elaun Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Kerajaan, Elaun Khidmat Awam dan Elaun Keraian.

Pengurangan itu adalah langkah tambahan kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan awam.

Abdul Halim bagaimanapun tidak dapat memberitahu jumlah wang yang dapat dijimatkan melalui pemotongan keempat-empat elaun itu.

"Yang penting dalam hal ini ialah semua pegawai mesti membuat pengorbanan dan memberi kerjasama kepada kerajaan untuk menghadapi cabaran sekarang. Yang kecil atau yang besar, itu tidak penting. Yang penting kita sama-sama memberi kerjasama kepada kerajaan," katanya selepas menghadiri majlis pelancaran Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini, hari ini.

Pada majlis itu, beliau menerima salinan Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 1998 daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, adalah menjadi tanggungjawab seluruh jentera perkhidmatan awam untuk melaksanakan arahan itu.

Katanya, arahan mengenai gerakan pemantapan itu sudah disampaikan kepada semua jabatan, agensi kerajaan dan kerajaan negeri.

"Persediaan sedang dibuat untuk melaksanakan arahan itu termasuk memilih ahli yang akan menganggotai jawatankuasa di peringkat jabatan dan agensi yang mesti ditubuhkan," katanya.

(END)